

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]**
TARIKH : **17 JUN 2014 (ISNIN)**
SOALAN : **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah Kerajaan bagi melonjakkan pengeluaran ayam kampung yang kini mendapat permintaan yang amat menggalakkan dan nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan penyertaan penduduk desa sebagai penternak ayam kampung untuk menambahkan hasil pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengenalpasti industri ayam kampung ini sebagai berpotensi untuk dibangunkan dan telah dimasukkan dalam Program Transformasi Pertanian (ATP). Di Semenanjung Malaysia, terdapat 14 buah Syarikat yang mengeluarkan baka ayam kampung (*Parent stock*) di 20 ladang yang beroperasi dan memelihara 0.442 juta ekor ayam baka. Baka ayam kampung yang dikeluarkan adalah dari baka Sasso, Kabir, Silkies, Hubbard ISA dan kacukan tempatan. Pada tahun 2013, sebanyak 42.2 juta ayam kampung telah dipasarkan.

Bagi meningkatkan pengeluaran ayam kampung, berikut merupakan langkah-langkah yang telah diambil oleh MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) iaitu:

- (a) Menggalakkan penubuhan Persatuan Ayam Kampung Malaysia sebagai peneraju industri ternakan ayam kampung secara bersepadu, dinamik dan proaktif. Persatuan ini telah ditubuhkan pada 12 Oktober 2013; dan

- (b) Program Jaminan Kualiti dan Keselamatan Makanan telah dipertingkatkan bagi memastikan pengeluaran ayam kampung dapat diterima di pasaran tempatan dan global disamping meningkatkan daya saing pemain industri.

Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai penduduk desa sebagai penternak ayam kampung, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- (a) menggalakkan penubuhan cawangan Persatuan Penternak Ayam Kampung Malaysia di setiap negeri atau daerah;
- (b) membuat hebahan kepentingan industri ayam kampung melalui *roadshow*, pameran dan seminar;
- (c) memberi latihan penternakan ayam kampung di daerah-daerah dan di Institut Teknologi Unggas, Masjid Tanah Melaka; dan
- (d) penganjuran program-program transformasi masyarakat desa seperti Program My Kampung My Future (MKMF), Rural Business Challenge (RBC), Program Azam Tani, Program Pembangunan Siswazah Tani dan sebagainya.